



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 10 Tahun 2023

PEMAKLUMAN RASMI PERUBAHAN SUKATAN DAN FORMAT PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN UNTUK TUJUAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI STAF PENTADBIRAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai perubahan sukatan dan format Peperiksaan Perkhidmatan untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Peperiksaan Perkhidmatan merupakan satu daripada syarat pengesahan bagi staf pentadbiran mengikut perbekalan skim perkhidmatan masing-masing.
- 2.2 Pekeliling Pendaftar Bil. 23 Tahun 2018 telah memaklumkan berkenaan pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan mengikut gred jawatan (Gred 11 hingga 41) untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan dan perubahan sukatan bagi peperiksaan berkenaan.
- 2.3 Semakan semula pelaksanaan dan sukatan Peperiksaan Perkhidmatan di UiTM telah dibuat berdasarkan pengemaskinian sukatan Peperiksaan Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- 2.4 Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM) Bil. 54 Tahun 2022 pada 16 November 2022 telah membuat keputusan meluluskan perubahan sukatan dan format peperiksaan perkhidmatan untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan melibatkan skim perkhidmatan dan gred jawatan seperti di **Lampiran 1, 2 dan 3**. Staf hendaklah lulus kesemua bahagian Peperiksaan Perkhidmatan UiTM sebelum layak mengemukakan permohonan pengesahan ke dalam perkhidmatan.

3.2 Format baharu Peperiksaan Perkhidmatan UiTM adalah seperti berikut:

BIL.	GRED	BENTUK SOALAN	BILANGAN SOALAN	MASA	MARKAH LULUS
1.	11 – 18	Objektif	40 soalan (Bahagian A dan B)	1 Jam	50%
2.	19 – 28	Objektif	40 soalan (Bahagian A dan B sahaja tidak termasuk Bahagian C)	1 Jam	60%
3.	29 ke atas	Esei	8 soalan (jawab 5 soalan) (Bahagian A, B dan D sahaja tidak termasuk Bahagian C)	3 Jam	60%

3.3 Sukatan baharu Peperiksaan Perkhidmatan mengikut gred dan jawatan-jawatan yang terlibat adalah seperti di **Lampiran 1, 2 dan 3**.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

4.1 Pekeliling dikeluarkan pada 01 Mac 2023.

5.0 TARIKH KUATKUASA

5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada 01 Januari 2023.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan
Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
Semua Dekan / Fakulti / Akademi / Institut
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil.10/2023)